

## **Penerapan Komponen Kemahiran Literasi Awal Dalam Kemahiran Membaca dan Menulis Kanak-kanak Prasekolah Berumur 5 dan 6 tahun**

### *Application of Early Literacy Skills Components in Reading and Writing Skills of Preschool Children from 5 and 6 Years old*

<sup>1\*</sup>Mohammad Nurulnuar Hussin, <sup>2</sup>Zainiah Mohamed Isa, <sup>2</sup>Jamilah Mohd Basir

<sup>1</sup>Sekolah Kebangsaan Kampung Johan Setia, Klang, Selangor, MALAYSIA

<sup>2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, MALAYSIA

\*Corresponding author - mohammadnurulnuarhussin@gmail.com

**Published:** 29 June 2022

**To cite this article (APA):** Hussin, M. N., Mohamed Isa, Z., & Mohd Basir, J. (2022). Application of Early Literacy Skills Components in Reading and Writing Skills of Preschool Children from 5 and 6 Years old. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(1), 50-57. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.1.6.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.1.6.2022>

### **Abstrak**

Kemahiran membaca dan menulis merupakan kemahiran awal yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah untuk memastikan proses pembelajaran mereka berkembang sihat dan lancar. Kemahiran membaca dan menulis dapat dikuasai oleh kanak-kanak apabila mereka mendapat pendedahan awal dalam kemahiran literasi awal seawal kanak-kanak tersebut dilahirkan sehingga mereka mencapai usia enam tahun. Komponen kemahiran literasi awal yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak ialah: (i) bahasa dan komunikasi, (ii) konsep cetakan dan cetakan persekitaran, (iii) fonemik dan fonetik, (iv) bacaan dan kefahaman naratif; dan (v) tulisan awal. Kertas konsep ini bertujuan untuk mengupas kemahiran membaca dan menulis yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah yang berumur lima dan enam tahun berdasarkan kepada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang termaktub di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Semakan 2017. Komponen kemahiran membaca di dalam KSPK Semakan 2017 terdiri daripada: (i) menguasai kemahiran prabaca, (ii) mengenal huruf abjad, (iii) membina dan membaca suku kata dan perkataan (iv) membaca dan memahami frasa dan ayat, (v) membaca dan memahami bahan bacaan; dan (vi) memupuk bacaan luas. Manakala komponen kemahiran menulis pula terdiri daripada: (i) menguasai kemahiran pratulis; dan (ii) menguasai kemahiran menulis. Kertas konsep ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada guru prasekolah untuk menerapkan komponen literasi awal dalam sesi pengajaran untuk kemahiran membaca dan menulis dalam Tunjang Komunikasi (Bahasa Melayu) dengan berpandukan kepada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang terkandung di dalam KSPK Semakan 2017.

**Kata kunci:** Kemahiran Membaca dan Menulis, Kemahiran Literasi Awal, Kanak-Kanak, Prasekolah, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Semakan 2017

### **Abstract**

*Reading and writing skills are early skills that need to be mastered by preschool children for their learning process to develop healthily and smoothly. Reading and writing skills can be mastered by their children gaining early exposure in early literacy skills as early as children born when they reach the age of six. The components of early literacy skills that children need to master are: (i) language and communication, (ii) print concepts and environmental print, (iii) phonemics and phonetics, (iv) reading and narrative comprehension; and (v) early writing. This concept paper aims to examine the reading and writing skills that need to be mastered by preschool children aged five and six years based on the Content Standards and Learning Standards enshrined in the National Preschool Standards Curriculum (KSPK) Revision 2017. Components of reading skills in KSPK Semakan 2017 consists of: (i) pre-reading skills, (ii) recognizing the letters of the alphabet, (iii) reading and reading syllables and content (iv) reading and understanding phrases and sentences, (v) reading and reading materials; and (vi) foster extensive reading. While the component of writing skills consists of: (i) mastery of pre-writing skills; and (ii) master writing skills. This concept paper aims to provide guidance to the preschool teachers to implement*

*early literacy component in teaching the skills of reading and writing in Communications Backbone (Malay) according to the Standard Contents and Learning Standard contained in KSPK Revision 2017.*

**Keywords:** *Reading and Writing Skills, Early Literacy Skills, Children, Preschool, National Preschool Standard Curriculum (KSPK) Revision 2017*

## **PENGENALAN**

Perkembangan bahasa dan komunikasi memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka dan mengalami persekitaran yang kaya dengan bahasa, dapat mengembangkan kecekapan dan kemahiran dalam mengekspresikan diri serta dapat berkomunikasi dan mendengar dalam pelbagai situasi dan keadaan (Juppri et al, 2017). Penguasaan bahasa oleh kanak-kanak adalah asas kepada kemahiran literasi mereka (Zainiah Mohamed Isa, 2019). Kejayaan dan keberhasilan kanak-kanak untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis adalah berpandukan kepada penerapan kemahiran literasi awal yang mereka kuasai ketika usia awal mereka dari umur satu hingga lima tahun (NAEYC & IRA, 2009). Oleh yang demikian, kemahiran pertama yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak dalam peringkat proses perkembangan mereka ialah kemahiran bahasa dan komunikasi. Kanak-kanak yang mendapatkan pendidikan awal di prasekolah akan dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran literasi agar mereka dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan baik. Sejalan dengan objektif yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Semakan 2017 iaitu menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan (KPM, 2016), adalah sukar bagi kanak-kanak prasekolah untuk menguasai kemahiran literasi mereka khususnya dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis sekiranya mereka tidak dapat menguasai kemahiran bahasa dan komunikasi terlebih dahulu.

### **Pendidikan Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pendidikan prasekolah setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Disember 1991 untuk melaksanakan program prasekolah yang telah dirancang dan dimulakan bagi tahun 1991/1992. Mesyuarat antara kementerian yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 27 Januari 1992 bersetuju supaya KPM meneruskan pelaksanaan Projek Pendidikan Prasekolah yang melibatkan 1070 buah sekolah dengan 1131 buah kelas. Program ini dilancarkan pada tahun 1992 yang dikenali sebagai *prasekolah annex* (KPM, 2018). KPM bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan pendidikan prasekolah sebagai persediaan untuk kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun sebelum mereka ke alam sekolah rendah (Aliza, 2016).


Pendidikan prasekolah telah diiktiraf sebagai salah satu komponen penting dalam pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Anjakan 1 dalam PPPM 2013-2025 iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Sasaran di bawah anjakan ini adalah untuk meningkatkan kualiti prasekolah dan menggalakkan enrolmen sejagat menjelang 2020 (KPM, 2018). Fokus pendidikan pada peringkat prasekolah adalah untuk menyediakan kanak-kanak pada peringkat pendidikan formal. Pendidikan prasekolah KPM merupakan pendidikan tidak formal di mana aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam kelas dilakukan dalam persekitaran fizikal dan sosial yang menyeronokkan supaya kanak-kanak dapat meneroka pembelajaran dengan lebih bermakna (KPM, 2016). Pertumbuhan minda kanak-kanak sangat berkembang dengan pesat, maka persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dapat membantu mereka untuk menguasai konsep-konsep asas yang akan digunakan untuk pembelajaran pada peringkat yang seterusnya (Aliza, 2016).

## Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Semakan 2017

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah mula dilaksanakan pada tahun 2010 dan melalui semakan semula di bawah dasar baharu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Semakan semula ini adalah untuk memenuhi keperluan semasa supaya KSPK ini mencapai standard setanding pembelajaran prasekolah di peringkat antarabangsa. KSPK turut mengalami perubahan demi perubahan seiring dengan perubahan yang berlaku secara global dalam sistem pendidikan khususnya di Malaysia. KSPK Semakan 2017 telah mula dilaksanakan di semua kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan seluruh tadika di Malaysia bermula pada Januari 2017. Pelaksanaan KSPK Semakan 2017 di kelas-kelas prasekolah dan tadika-tadika di seluruh negara adalah sejajar dengan usaha dan hasrat KPM untuk meningkatkan mutu pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia selaras dengan PPPM 2013-2025 yang dibangunkan oleh KPM (Nazri & Baizura, 2018).

KSPK Semakan 2017 mengandungi Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPI). Dokumen kurikulum ini dinamakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Semakan 2017 yang merangkumi enam tunjang utama iaitu Tunjang Komunikasi (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil), Tunjang Kerohanian, Nilai dan Sikap (Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral), Tunjang Keterampilan Diri, Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika (Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan serta Kreativiti dan Estetika), Tunjang Sains dan Teknologi (Sains Awal dan Matematik Awal) dan Tunjang Kemanusiaan (KPM, 2016).

Kemahiran bahasa merupakan teras utama dan asas yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak dalam Tunjang Komunikasi yang telah digariskan di dalam KSPK Semakan 2017. Kemahiran bahasa ini telah diorganisasikan dalam empat kemahiran yang asas iaitu: (i) kemahiran mendengar, (ii) kemahiran bertutur, (iii) kemahiran membaca; dan (iv) kemahiran menulis. Berdasarkan Rajah 1 di bawah, keempat-empat kemahiran ini merupakan komponen terpenting dalam memperkembangkan kemahiran komunikasi lisan dan asas literasi kepada seseorang kanak-kanak untuk pembelajaran mereka yang seterusnya (KPM, 2016).



**Rajah 1:** *Komponen Kemahiran Bahasa*

KSPK Semakan 2017 dilihat telah dapat mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai pada kanak-kanak serta menginterpretasikan secara eksplisit Kemahiran Abad ke-21 termasuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Standard Prestasi (SPI) yang terdapat di dalam KSPK

Semakan 2017 ini berperanan sebagai satu mekanisma atau alat pengukur yang boleh digunakan oleh guru-guru prasekolah dan guru-guru pendidikan awal kanak-kanak untuk membuat pentaksiran secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kanak-kanak prasekolah dalam sesuatu ilmu, kemahiran dan nilai serta membolehkan guru-guru prasekolah dan guru-guru pendidikan awal kanak-kanak membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian kanak-kanak prasekolah. DSKP dan KSPK Semakan 2017 merupakan panduan utama kepada guru-guru prasekolah dan guru-guru pendidikan awal kanak-kanak dalam merealisasikan usaha dan hasrat negara khususnya KPM untuk menyediakan pendidikan prasekolah bertaraf dunia setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Dokumen KSPK Semakan 2017 ini mengandungi perincian yang mudah dijadikan rujukan dan panduan bagi setiap tunjang supaya dapat memudahkan guru-guru prasekolah dan guru-guru pendidikan awal kanak-kanak untuk merancang aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang bersesuaian dan menyeronokkan serta sesuai dengan perkembangan kanak-kanak prasekolah (Aliza, 2016). Guru-guru prasekolah dan guru-guru pendidikan awal kanak-kanak digalakkan untuk menggunakan kreativiti dan kepakaran mereka untuk merancang aktiviti-aktiviti pembelajaran yang bersesuaian supaya dapat mencapai objektif pembelajaran dengan berkesan dan seterusnya dapat memberikan pengalaman-pengalaman baharu dan menyeronokkan pada kanak-kanak prasekolah.


### **Kemahiran Literasi Awal**

Istilah literasi atau dikenali sebagai celik dan kenal huruf memberikan maksud keupayaan seseorang untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis untuk melakukan pertuturan, mendengar, membaca, menulis dan memahami percakapan atau sesuatu penulisan (Azira & Jasmy, 2018). Literasi awal adalah suatu proses untuk memberikan makna kepada sesuatu yang dapat dilihat, didengar dan dirasai oleh organ deria kanak-kanak terhadap keadaan persekitaran mereka. Semakin kanak-kanak itu melalui proses tumbesaran, perkembangan literasi awal kanak-kanak tersebut juga turut mengalami perkembangan yang sihat dan keadaan ini banyak dipengaruhi oleh bantuan orang dewasa dan juga faktor-faktor persekitaran di sekeliling mereka (Rashidah Elias, 2017).

Jelaslah di sini bahawa faktor persekitaran juga sangat berperanan dalam menentukan kejayaan dan keberhasilan kanak-kanak dalam perkembangan kemahiran literasi mereka. Sejajar dengan hasrat yang telah digariskan oleh KPM dalam KSPK Semakan 2017 untuk melahirkan kanak-kanak prasekolah yang berumur lima dan enam tahun yang mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dan bersosialisasi dengan baik (KPM, 2016). Di samping itu, kanak-kanak prasekolah yang berumur lima dan enam tahun diharapkan mampu menghadapi cabaran, berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar dan bersedia untuk menghadapi pembelajaran yang seterusnya apabila memasuki Tahun Satu dalam Pendidikan yang formal kelak.

Perkembangan literasi oleh kanak-kanak perlu melalui tujuh peringkat perkembangan iaitu: (i) pengetahuan abjad, (ii) kesedaran cetakan, (iii) bahasa penulisan, (iv) pemahaman teks, (v) kesedaran bunyi huruf, (vi) bahasa lisan; dan (vii) pemahaman pendengaran. Kesemua peringkat perkembangan literasi ini perlu dilalui oleh setiap kanak-kanak untuk menjamin kejayaan dalam penguasaan pembelajaran dan pembangunan kemahiran literasi mereka (Dunst et al, 2006).

Berdasarkan Rajah 2 di bawah, kemahiran literasi awal dalam kalangan kanak-kanak merangkumi beberapa komponen yang melibatkan: (i) bahasa dan komunikasi, (ii) konsep cetakan dan cetakan persekitaran, (iii) fonemik dan fonetik, (iv) bacaan dan kefahaman naratif; serta (v) tulisan awal (Zainiah, Juppri & Mazlina, 2018). Komponen-komponen tersebut akan menjadi penyumbang utama kepada penguasaan kemahiran membaca dan menulis pada kanak-kanak. Oleh yang demikian, dapatlah dilihat bahawa kemahiran literasi awal perlu dipupuk dan diterapkan kepada kanak-kanak sejak awal usia mereka lagi untuk menjamin kejayaan dalam perkembangan bahasa dan komunikasi mereka di masa hadapan.



**Rajah 2:** *Komponen Perkembangan Literasi Awal*

Perkembangan kemahiran literasi kanak-kanak pada tahun pertama persekolahan mereka akan menentukan kejayaan dan keberhasilan penguasaan kanak-kanak tersebut dalam tahun-tahun berikutnya ketika mereka melalui proses pembelajaran di sekolah (Diane & Marla, 2013). Justeru itu, guru prasekolah bertanggung jawab sepenuhnya untuk mengukuhkan kemahiran literasi awal pada kanak-kanak di dalam kelas sebelum mereka didedahkan dengan kemahiran membaca dan menulis yang lebih kompleks.

### **Kemahiran Membaca**

Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang terpenting dalam proses pembelajaran bahasa. Aktiviti membaca bertindak sebagai saluran atau medium untuk seseorang itu memahami dan mendapatkan kefahaman secara langsung melalui bahan yang dibaca. Kemahiran membaca juga merupakan tafsiran awal terhadap bahan bercetak dan simbol tulisan yang bermakna (Lau Shiau Ching & Mohd Mokhtar Tahar, 2021). Membaca merupakan kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak. Pembelajaran bahasa pada kanak-kanak merupakan proses pembelajaran yang berterusan yang berlaku setiap hari khususnya ketika aktiviti mereka bermain bersama kanak-kanak yang lain dan ketika kanak-kanak bersosial bersama orang dewasa dan juga persekitaran mereka. Semasa kanak-kanak mengalami proses berkomunikasi bersama kanak-kanak lain atau orang dewasa di persekitaran mereka, secara tidak langsung mereka juga sebenarnya telah mengaplikasikan aspek-aspek fonologi, semantik dan sintaksis dalam pertuturan mereka (Azira & Jasmy, 2018).

KSPK Semakan 2017 dalam Tunjang Komunikasi (Bahasa Melayu) menyatakan bahawa kanak-kanak akan menguasai kemahiran untuk memberi respon secara bertatasusila terhadap pelbagai bahan rangsangan yang didengar, berkebolehan untuk berkomunikasi dan menyampaikan idea, boleh membaca dan memahami ayat mudah serta boleh menulis perkataan, frasa dan ayat mudah selepas mereka melalui proses PdPc di dalam kelas. Justeru, pelaksanaan aktiviti di dalam kelas yang dapat memberikan tumpuan kepada kemahiran membaca akan memberikan pengalaman pembelajaran secara langsung dan tidak langsung kepada kanak-kanak untuk menguasai kemahiran membaca mereka. Oleh yang demikian, guru prasekolah sebagai pelaksana terhadap kurikulum yang telah digariskan oleh KPM perlu lebih peka dan prihatin terhadap objektif dan hasil pembelajaran yang akan diperolehi oleh kanak-kanak dalam sesi pengajaran mereka khususnya dalam Tunjang Bahasa Melayu.

Secara semula jadi, tahap penguasaan dan proses perkembangan kanak-kanak adalah berbeza-beza di antara satu sama lain ketika peringkat awal mereka memasuki sesi pembelajaran di prasekolah. Perbezaan tahap penguasaan ini adalah dipengaruhi oleh pengalaman sedia ada yang telah mereka lalui dan mereka kuasai serta pendedahan yang telah diterima oleh kanak-kanak ketika mereka berada di rumah atau di taska pada usia awal mereka (Juppri & Zainiah, 2016). Oleh yang demikian, guru prasekolah perlu lebih peka dan bijak untuk merancang aktiviti pembelajaran yang mampu memberikan rangsangan yang baik terhadap perkembangan kemahiran membaca pada kanak-kanak ketika mereka menjalani sesi PdPc di dalam kelas. Guru prasekolah perlu menggunakan segala peluang yang ada di persekitaran kelas, ruang pembelajaran dan persekitaran bilik darjah serta berupaya mengaplikasikan segala sumber, peluang, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka untuk mengembangkan potensi dalam diri kanak-kanak khususnya dalam menguasai kemahiran membaca mereka. Hanifah, Vincent & Idris (2019) menyatakan bahawa penggunaan Modul Riang Ria Membaca sesuai digunakan untuk dijadikan satu intervensi untuk meningkatkan kemahiran membaca awal di prasekolah kerana modul ini mengintegrasikan kaedah nyanyian dan mengaplikasikan pendekatan belajar melalui bermain pada kanak-kanak prasekolah. Pendekatan guru yang menerapkan aktiviti didik hibur dalam kelas khususnya dalam kemahiran membaca dan menulis dapat meningkatkan penguasaan kanak-kanak dalam kemahiran tersebut (Abdul Halim Masnan, Seah Siok Peh, Azila Alias, 2021).

### **Kemahiran Menulis**

Kemahiran menulis pada peringkat kanak-kanak mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan perkembangan literasi awal mereka. Kemahiran menulis pada kanak-kanak merupakan suatu proses pembelajaran yang memerlukan latihan dan bimbingan serta panduan yang sepenuhnya daripada guru-guru prasekolah dan guru-guru pendidikan awal kanak-kanak ketika kanak-kanak berada di prasekolah atau ibu bapa ketika kanak-kanak berada di rumah. Kebolehan seseorang kanak-kanak untuk dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik dan teratur perlulah diberikan latihan awal kepada mereka sejak dari kecil lagi (Ahmad Muaz Muhd Hairi, Nik Nur Syazwani Ibrahim & Azyati Zahirah Asnil Aimi, 2020).

Menulis adalah proses bagi kanak-kanak untuk menyampaikan idea dan kefahaman mereka terhadap sesuatu konsep cetakan. Menurut Siti, Rohaty & Zamri (2014) dalam Habsah & Yahya (2018), kemahiran menulis sangat berkait rapat dan saling bergantung dengan kemahiran membaca dan bertutur. Sesuatu yang dibaca dan difahami atau sesuatu yang dituturkan oleh seseorang individu tidak akan dapat diterjemahkan dengan jelas dalam bentuk penulisan untuk difahami oleh individu yang lain sekiranya seseorang itu tidak dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik dan berkesan. Oleh yang demikian, jelaslah di sini bahawa kemahiran membaca dan menulis sangat berkait rapat dan saling berhubungan di antara satu sama lain.

Kemahiran menulis pada perkembangan tulisan awal kanak-kanak merangkumi konsep contengan dan lakaran bebas. Kemampuan kanak-kanak untuk menghasilkan sebuah contengan dan lakaran bebas yang hanya difahami oleh mereka sendiri akan menyumbang kepada tahap penguasaan mereka dalam perkembangan kemahiran menulis. Zainiah dan Radzhi (2011) menyatakan bahawa contengan rawak dan lakaran bebas yang dihasilkan oleh kanak-kanak adalah merupakan penulisan pertama mereka dalam perkembangan kemahiran menulis. Hal yang demikian menunjukkan bahawa kanak-kanak sedang melalui fasa permulaan kemahiran tulisan awal dalam proses perkembangan menulis mereka. Kanak-kanak memiliki kecenderungan untuk menconteng dari gerakan depan ke belakang dan dari gerakan belakang ke depan, serta gerakan dari atas ke bawah dan juga gerakan dari bawah ke atas sehinggalah mereka dapat membentuk suatu bulatan. Kemahiran menggunting adalah sokongan kepada kemahiran menulis dan kemahiran-kemahiran *bilateral* pergerakan motor yang lain (Haziq, Nasarudin & Arief, 2021). Kemahiran menggunting dapat meningkatkan kemahiran koordinasi motor halus dan sensori kanak-kanak di mana kemahiran ini dapat melatih kanak-kanak untuk memegang pensel dengan cara yang betul bagi menguasai kemahiran menulis mereka.

Kebolehan dan kemampuan kanak-kanak untuk menguasai kemahiran menulis adalah saling bergantung dengan keupayaan atau kebolehan kemahiran membaca yang telah dikuasai oleh mereka. Kanak-kanak yang boleh menguasai kemahiran membaca secara tidak langsung akan dapat menguasai kemahiran menulis untuk menterjemahkan kefahaman mereka melalui apa yang mereka baca ke dalam bentuk tulisan.

## PERBINCANGAN

Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang sangat sukar dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah (Haiza, Halim & Azizah, 2021). Namun begitu, kemahiran membaca dan menulis dalam perkembangan kanak-kanak adalah saling berkaitan dan bergantung di antara satu sama lain (Jupri & Jaslinah, 2015). Perkembangan kemahiran membaca dan menulis pada kanak-kanak dilihat berlaku secara serentak dalam proses perkembangan mereka.

Berdasarkan tinjauan literatur dan analisis dokumen terhadap KSPK Semakan 2017 yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa penerapan komponen-komponen literasi awal telah pun digariskan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum khususnya dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) pada Tunjang Komunikasi. Untuk memastikan sesi PdPc di dalam kelas menarik dan berupaya memberi kesan kepada kanak-kanak, guru perlu memainkan peranan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik minat kanak-kanak untuk belajar (Haiza, Halim & Azizah, 2021).

Oleh yang demikian, untuk memastikan keberkesanan sesi PdPc untuk kemahiran membaca dan menulis berjaya dan berjalan lancar khususnya kepada kanak-kanak prasekolah yang berumur lima dan enam tahun, guru prasekolah boleh menjadikan SK dan SP yang terkandung di dalam KSPK Semakan 2017 sebagai sumber rujukan yang utama dalam merancang isi pelajaran dalam PdPc yang akan dijalankan kerana ianya dilihat selari dan sesuai dalam penerapan komponen literasi awal seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1:** Penerapan Komponen Literasi Awal Pada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Dalam KSPK Semakan 2017

<b>KEMAHIRAN</b>	<b>KOMPONEN DALAM KSPK (STANDARD KANDUNGAN)</b>	<b>KOMPONEN KEMAHIRAN LITERASI AWAL</b>
<b>KEMAHIRAN MEMBACA</b>	BM 2.1 Menguasai kemahiran prabaca	Fonemik dan Fonetik
	BM 2.2 Mengenal huruf abjad	Konsep Cetakan dan Cetakan Persekitaran
	BM 2.3 Membina dan membaca suku kata dan perkataan	Bahasa dan Komunikasi
	BM 2.4 Membaca dan memahami frasa dan ayat	
	BM 2.5 Membaca dan memahami bahan bacaan	Bacaan dan Kefahaman Naratif
	BM 2.6 Memupuk bacaan luas	
<b>KEMAHIRAN MENULIS</b>	BM 3.1 Menguasai kemahiran pratulis	Tulisan Awal
	BM 3.2 Menguasai kemahiran menulis	

## KESIMPULAN

Untuk mengaplikasikan kemahiran membaca dan menulis pada kanak-kanak khususnya ketika mereka berada di prasekolah, guru prasekolah seharusnya menjadikan KSPK Semakan 2017 sebagai rujukan dan panduan utama dalam merancang sesi PdPc di dalam kelas. Kejayaan dan keberhasilan kanak-kanak dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis bergantung kepada perancangan yang teliti oleh guru prasekolah Penerapan komponen literasi awal dalam PdPc untuk mengajar kemahiran membaca dan menulis dapat menjamin kejayaan kanak-kanak untuk mereka menguasai kemahiran tersebut dengan baik dan berkesan. Guru-guru prasekolah yang dapat mengaplikasikan penggunaan modul pembelajaran dengan baik di dalam kelas akan dapat memberikan nilai tambah kepada kanak-kanak untuk mereka menguasai sesuatu kemahiran di samping memberikan keseronokan untuk kanak-kanak belajar di dalam kelas.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, M. N. & Wan Mohamad Noor, W. N. B. (2018). *Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi Guru*. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil 5; Isu 3. E-ISSN: 2289-9669.
- Abu Samah, S. I. S., Mohd Majzub, R., & Mahamod, Z. (2014). *Pelaksanaan Pengajaran Penulisan Dalam Kalangan Guru-Guru Prasekolah*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 3, 100 - 117.
- Ali, A. & Mahamod, Z. (2016). *Analisis Keperluan Terhadap Pengguna Sasaran Modul Pendekatan Berasaskan Bermain Bagi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Kanak-Kanak Prasekolah*. Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik.
- Ali, A. & Mahamod, Z. (2016). *Pembangunan dan Kebolegunaan Modul Berasaskan Bermain Bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBM (Malay Language Education Journal - MyLEJ). ISSN: 2180-4842. Vol. 6, Bil. 1 (Mei 2016): 16-29.
- Ali, N. H. & Othman, Y. (2018). *Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Pelajar Melanau Daerah Daro*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu - JPBM (Malay Language Education Journal - MyLEJ). ISSN: 2180-4842. Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 33-41.
- Bacotang, J., & Mohamed Isa, Z. (2016). *Pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) Untuk Kanak-Kanak Taska*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 5, 30-48.
- Bacotang, J., Mohamed Isa, Z., Che Mustafa, M. & Md. Yasin, S. F. (2017). *Early Literacy Curriculum (ELiC) Framework for Nurseries in Malaysia*. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI. Vol.10, 2017. ISSN 1394-7176
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017*. Putrajaya, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2018). *Garis Panduan Pengurusan Prasekolah*. Putrajaya, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baharudin, H. H., Masnan, A. H., & Zain, A. (2021). *Learning Module Development using Android Technology Application based on Interactive White Board on Preschool Reading Proficiency: Theoretical Framework Review*. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 14(1), 1-14. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.1.2021>
- C. J. Dunst, C. M. Trivette, T. Masiello, N. Roper, A. Robyak. (2006). *Framework for Developing Evidence-Based Early Literacy Learning Practices*. CELLpapers. Volume 1, Number 1.
- Hanifah, S., Vincent, P., & Idris, B. @ B. M. (2019). *Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif dan Aplikasi Kaedah Belajar melalui Bermain (Preschool Early Reading Module Using Songs Based on Cognitive Psycholinguistic Theory and Application of Learning Through Play)*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 44(01), 45-58.
- Juppri & Jaslinah Makantal (2015). *Kesan Pelaksanaan Aktiviti Modul Literasi Awal (M.U.L.A) Terhadap Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak Taska: Satu Kajian Kes*. Jurnal Penyelidikan Kent.
- Lau S. C. & M. M. Tahar. (2021). *Penggunaan Peralatan Multisensori Buku Audio Dalam Meningkatkan Minat Murid-Murid Masalah Pembelajaran Terhadap Membaca*. Jurnal Dunia Pendidikan. e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 1, 530-536.
- M. B. Diane & H. M. Marla. (2013). *Best Practises in Early Literacy Instruction*. The Guilford Press. New York.
- M. Hairi, A. M., Ibrahim, N. N. S. & Asnil Aimi, A. Z. (2020). *Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak 5+ dan 6+ Tahun*. Jurnal Kesidang (Kesidang Journal). Volume 5 2020: 99-111.
- Masnan, A. H., Seah S. P., Alias A. (2021). *Aplikasi Digital Didik Hibur 3M Murid Orang Asli Sekolah Rendah. 3rd Invention, Innovation and Technology Competition (ITEC) 2021*. E ISBN: 978-967-14569-5-8. UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.
- Mohd Sharif, M. H., Che Azid, M. N., & Wan Kharuddin, W. A. N. (2021). *Penerapan Kaedah Tunjuk Cara Dalam Aktiviti Fizikal dan Estetika untuk Meningkatkan Kemahiran Menggunting Kanak-kanak*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 10(2), 85-102.
- Mohamed Isa, Z., Bacotang, J., & Che Mustafa, M. (2018). *Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak Berusia 2, 3 dan 4 Tahun*. Jurnal Penyelidikan Teknokrat II, Jld. XX, (Dis). ISSN 1511 5828.
- Mohamed Isa, Zainiah @ Zaniah. (2011). *Daripada Contengan Kepada Huruf: Perkembangan Penulisan Awal Kanak-Kanak*. In: National Postgraduate Conference in Education, 18-27 Jun 2011, Sabah.
- National Association for the Education of Young Children & International Reading (2009). *Developmentally Appropriate Practice in Early Childhood Programs Serving Children from Birth through Age 8*.
- Rashidah Elias. (2017). *Keberkesanan KitAB Cerdas Terhadap Pencapaian Bacaan Awal Kanak-Kanak Taska*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- S. Azira A. Aziz & M. Jasmy A. Rahman. (2018). *Perkembangan Bahasa dan Literasi Kanak-Kanak Prasekolah Menerusi Aplikasi 3E & TMK*. Universiti Sultan Zainal Abidin.